



KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI DENGGI BAGI TAHUN 2013 DI MALAYSIA
Bagi Minggu 52/2013 (22 hingga 28 Disember 2013)

Pada minggu akhir tahun 2013 iaitu bagi tempoh 22 sehingga 28 Disember 2013, sejumlah 2,120 kes demam denggi dilaporkan iaitu bilangan kes mingguan yang tertinggi yang pernah dilaporkan di Malaysia. Peningkatan kes yang berterusan pada akhir tahun 2013 telah mencatatkan kes demam denggi keseluruhan dilaporkan adalah sebanyak 43,346 kes, peningkatan sebanyak 98% atau 21,446 kes berbanding dengan hanya 21,900 kes yang dilaporkan pada tahun 2012. Dua belas (12) negeri telah menunjukkan peningkatan kes pada tahun ini berbanding tahun sebelumnya iaitu Selangor yang mencatatkan peningkatan sebanyak 14,739 kes (162%), Johor 3,178 kes (193%), Melaka 1,056 kes (235%), Perak 803 kes (47%), WP Kuala Lumpur & Putrajaya 756 kes (42%), Negeri Sembilan 646 kes (117%), Pulau Pinang 262 kes (33%), Kelantan 182 kes (15%), Pahang 84 kes (13%), Perlis 54 kes (31%), Sabah 52 kes (8%) dan WP Labuan 4 kes (40%). Hanya tiga negeri mencatatkan penurunan kes denggi pada tahun 2013 iaitu Terengganu, Sarawak dan Kedah.

Hasil analisa Kementerian Kesihatan bagi kes tahun 2013 menunjukkan 774 kes (2%) daripada 43,346 kes keseluruhan dilaporkan

adalah merupakan kes Demam Denggi Berdarah. Enam puluh peratus (60%) daripada kes yang dijangkiti demam denggi adalah terdiri daripada lelaki manakala 40% adalah perempuan. Taburan kes demam denggi mengikut bangsa menunjukkan bangsa Melayu sebanyak 54%, bangsa Cina 23%, India 10% dan lain lain bangsa 13%. Ini selaras dengan taburan peratus populasi di Malaysia dimana bangsa Melayu merupakan yang tertinggi diikuti dengan bangsa bangsa lain.

Analisa Kementerian Kesihatan juga menunjukkan bahawa majoriti iaitu 79% kes demam denggi adalah dari golongan produktif yang berusia 11 hingga 50 tahun dan aktif melakukan aktiviti luar. Jadual menunjukkan taburan terperinci kes mengikut kumpulan umur :

Bil	Kumpulan Umur	Bilangan Kes
1	< 10 tahun	3,558 kes (8%)
2	11 hingga 20 tahun	9,228 kes (22%)
3	21 hingga 30 tahun	12,160 kes (28%)
4	31 hingga 40 tahun	8,291 kes (19%)
5	41 hingga 50 tahun	4,912 kes (11%)
6	> 51 tahun	5,137 kes (12%)

Jumlah keseluruhan kematian denggi yang dilaporkan pada 2013 adalah sebanyak 92 kematian, berbanding hanya 35 kematian pada tahun 2012, iaitu meningkat 57 kematian (163%). Negeri Johor dan Selangor mencatatkan kes kematian demam denggi tertinggi iaitu sebanyak 24 kes, diikuti Melaka 9 kes, WP Kuala Lumpur & Putrajaya 8 kes, Pulau Pinang 7 kes, Sabah 5 kes, masing-masing 4 kes di Perak dan Sarawak, 2 kes kematian bagi setiap negeri bagi Pahang dan Kelantan. Manakala satu kes bagi setiap negeri untuk N.Sembilan, Kedah dan Perlis. Negeri yang tiada melaporkan kematian denggi adalah Terengganu dan WP Labuan.

Sehingga akhir tahun 2013, terdapat 569 kawasan wabak denggi yang berlaku di 11 negeri, melibatkan 27 daerah. Negeri Selangor mencatatkan kawasan wabak tertinggi iaitu 457 kawasan, diikuti dengan 27 kawasan berwabak di Perak, 26 kawasan di Johor, 24 kawasan di Negeri Sembilan, 19 kawasan di WP Kuala Lumpur & Putrajaya dan 8 kawasan di Pulau Pinang. Manakala negeri Kedah, Melaka, Sabah, Kelantan dan Sarawak hanya melaporkan 1 hingga 2 wabak saja bagi seluruh negeri.

Sebanyak 102 lokaliti *hotspot* dilaporkan dan 98 daripadanya di negeri Selangor iaitu di Daerah Petaling (51 lokaliti), Daerah Hulu Langat (40 lokaliti), Daerah Gombak (5 lokaliti) dan Daerah Sepang (2 lokaliti). Manakala 4 lokaliti *hotspot* berlaku di daerah Seremban, Negeri Sembilan.

Sempena tahun baru 2014, pihak KKM berharap kerjasama bersepadu di antara agensi-agensi kerajaan, swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dengan masyarakat setempat dalam membanteras demam denggi dapat diperkembangkan lagi untuk kesejahteraan bersama. Pada bulan Disember lepas, terdapat beberapa negeri yang mengalami banjir dan dinasihatkan agar jawatankuasa penduduk segera menggerakkan penduduk setempat untuk melaksanakan gotong-royong dalam tempoh seminggu selepas banjir. Ini adalah bertujuan bagi memastikan takungan atau bekas yang menakung air tidak menjadi tempat pembiakan Aedes.

Bagi sesi persekolahan yang telah bermula, pihak pentadbiran sekolah diharap dapat memastikan keseluruhan kawasan sekolah bebas daripada pembiakan Aedes. Pihak sekolah juga disarankan menggalakkan murid-murid melakukan "Cari dan musnahkan tempat pembiakan Aedes"

setiap minggu samada di kawasan sekolah atau kawasan dirumah masing-masing. Bagi takungan yang tidak dapat dimusnahkan seperti kolam, landskap, kolam mandi, mangkuk tandas atau pam tandas yang rosak, masukkan bahan pembunuh jentik-jentik (Abate) yang boleh diperolehi daripada pasaraya atau kedai runcit di tempat masing masing. Masyarakat juga disarankan melindungi diri mereka daripada gigitan nyamuk Aedes dengan menggunakan repellent dan memakai baju berlengan panjang yang cerah terutama apabila berada di luar rumah, khususnya di waktu awal pagi dan lewat senja.

Kementerian Kesihatan Malaysia mengucapkan 'Selamat Tahun Baru' dan mengharapkan masyarakat terus mengamalkan gaya hidup sihat dan memastikan persekitaran mereka bersih serta tiada tempat pembiakan Aedes.

DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

TimbalanKetuaPengarahKesihatan (KesihatanAwam)

KementerianKesihatan Malaysia

2Januari 2014

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 52/2013
(22 hingga 28 Disember 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah kes Denggi dari Januari sehingga 28Dis 2013	Jumlah kes Denggi dari Januari sehingga 28Dis 2012
		Minggu 52 (22 –28Dis 2013)	Minggu 51 (15 –21Dis 2013)		
1	Perlis	4	3	226 (1)	172 (1)
2	Kedah	20	15	813 (1)	817 (4)
3	P. Pinang	41	33 (1)	1,053 (7)	791 (1)
4	Perak	129	152	2,519 (4)	1,716 (5)
5	Selangor	1,408	1,306 (2)	23,852 (24)	9,113 (12)
6	WPKL & Putrajaya	94	87	2,570 (8)	1,814 (5)
7	N. Sembilan	125	67	1,198 (1)	552 (2)
8	Melaka	44	75	1,505 (9)	449
9	Johor	149 (3)	149 (2)	4,828 (24)	1,650 (1)
10	Pahang	19	25	725 (2)	641 (1)
11	Terengganu	21	21	600	739
12	Kelantan	27	20	1,427 (2)	1,245
13	Sarawak	19	27	1,292 (4)	1,519 (1)
14	Sabah	20 (1)	24	724 (5)	672 (2)
15	WP Labuan	0	0	14	10
	Malaysia	2,120 (4)	2,004 (5)	43,346 (92)	21,900 (35)

Nota: () Kematian

* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA 28 Disember 2013 (Mg 52)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	PJS 8 Mentari Court 1 (Blok A, B, C,D)	129	195
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat A (Blok 1-Blok 12 & Blok 38 - Blok 43)	182	174
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat B (Blok 13 - Blok 37)	96	153
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres A zon A (Jln 7/11-7/22)	28	121
5	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8/1-15 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	37	110
6	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	49	109
7	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 7/3 Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	34	98
8	SELANGOR	Petaling	PJS 9 Lagoon Perdana	58	95
9	SELANGOR	Petaling	Pusat Bandar Puchong 5 (Sri Jati)	23	95
10	SELANGOR	Petaling	Seksyen 3 Uitm Shah Alam Kolej Jati	33	94
11	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7E B Pusat Komersial (Jalan AA7/AA & AC7/AC & Jalan U7/U - Z7/Z)	33	93
12	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Nirwana 1-17 Taman Nirwana	28	93
13	SELANGOR	Petaling	SS 19/1 Subang Jaya	30	91
14	SELANGOR	Petaling	PJS 10 Kondo Ridzuan	40	90
15	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Delima Taman Pinggiran Delima	23	90
16	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 Apartment Ixora	45	89
17	SELANGOR	Petaling	PJS 2C Taman Medan	23	89

18	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 Pangsapuri Subang Suria	21	88
19	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres B Zon C (Jalan 7/31 - 7/35)	86	86
20	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan TPS 3 Taman Pelangi Semenyih	71	86
21	SELANGOR	Petaling	SS 3 (Taman Universiti)	29	84
22	SELANGOR	Petaling	Taman Equini (Jalan Putra Permai 2)	29	83
23	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 15/1 Seksyen 15 Bandar Baru Bangi	26	81
24	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 Teres B2 (Jalan 8/14 - Jalan 8/28)	64	80
25	SELANGOR	Petaling	PJU 10 Apartment Idaman 2 (Blok E,F,G,O,P,Q,R,S)	19	77
26	SELANGOR	Petaling	Taman Pinggiran Putra (Putra Permai Selesa Apartment)	27	76
27	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Sri Tanjung Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	12	75
28	SELANGOR	Petaling	PJU 5 Seksyen 6	36	74
29	SELANGOR	Gombak	Apartment Casmaria	27	72
30	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Taming Impian	33	71
31	SELANGOR	Petaling	Taman Universiti Indah (Jalan 1/11 - 1/29)	7	70
32	SELANGOR	Petaling	PJS 5 Flat Desa Ria	33	68
33	SELANGOR	Petaling	PJU 8 Metropolitan Square Condo	19	68
34	SELANGOR	Petaling	Bandar Bukit Puchong Vista Prima	30	68
35	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Kondominium Kristal Height	16	65
36	SELANGOR	Sepang	Asrama Kilang WRP	91	62
37	SELANGOR	Petaling	PJU 5 Seksyen 4 Gugusan Semarak	12	58
38	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Cheras Utama	16	58
39	SELANGOR	Petaling	Taman Lestari Putra 4	16	53
40	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sungai Jelok	23	53
41	SELANGOR	Petaling	Seksyen 18 Teres D	15	53
42	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4/3 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	19	50

43	SELANGOR	Petaling	Seksyen 18 (UITM-Kolej Akasia)	33	49
44	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Pangsapuri Kristal	24	48
45	SELANGOR	Petaling	Seri Kembangan (The Heritage)	26	48
46	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Taman Dagang	8	48
47	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Muhibbah	5	48
48	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Tenaga	13	48
49	SELANGOR	Gombak	Taman Rawang Perdana Fasa 10	23	47
50	SELANGOR	Hulu Langat	Lorong Dato Mufti 1-6 Kampung Dato Mufti	7	47
51	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Prima Saujana Kajang	12	47
52	N.SEMBILAN	Seremban	Vision Homes	9	47
53	SELANGOR	Petaling	Seksyen 16 Kuarters Suk	15	47
54	SELANGOR	Petaling	Bandar Bukit Puchong 3	13	46
55	SELANGOR	Gombak	Taman Greenwood Zon 1	11	45
56	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan TPS 2 Taman Pelang Semenyih	9	45
57	SELANGOR	Petaling	Seksyen 18 (UITM-Kolej Cemara)	19	45
58	N.SEMBILAN	Seremban	Taman Desa Ixora	6	44
59	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Baiduri Taman Desa Baiduri	7	44
60	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 Flat PKNS A (Blok 1 - 9)	26	43
61	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 Subang Bestari Teres A	7	42
62	SELANGOR	Gombak	Taman Bukit Rawang Jaya	5	41
63	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Dagang 2/1-2/7 Taman Dagang	8	41
64	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 2 Bandar Teknologi	7	40
65	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4C/4-4C/6 Bandar Tasik Kesuma	8	40
66	SELANGOR	Sepang	Cyberia Smarhome	44	39
67	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Pandan Utama Taman Pandan Utama	16	39
68	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 (Pangsapuri Jaya)	26	38

69	SELANGOR	Petaling	SS 19/6	19	38
70	SELANGOR	Hulu Langat	Chancellor Kondominium Taman Kosas	12	38
71	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/29-33 Seksyen 3 Bandar Baru Bangi	15	38
72	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Mesra Kajang	21	38
73	SELANGOR	Petaling	Taman Puchong Utama 8	6	37
74	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 Teres B	7	36
75	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Pinggiran Senawang	13	36
76	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 12-28 Taman Putra	7	36
77	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Dayang 8,22,24,28,30-58/8 Bandar Mahkota Cheras	6	36
78	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/13-22 Seksyen 3 Bandar Baru Bangi	42	36
79	SELANGOR	Hulu Langat	Kampung Baru Semenyih	9	36
80	SELANGOR	Petaling	PJU 8 Apartment Flora Damansara 2 (Blok C, D, E, F)	7	35
81	SELANGOR	Petaling	Taman Pinggiran Putra 39 (Putra Impian)	5	35
82	SELANGOR	Petaling	Taman Dato Harun	9	34
83	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Bandar Senawang	9	34
84	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Maju 1 Taman Lembah Maju	5	34
85	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/7-12 Seksyen 3 Bandar Baru Bangi	10	34
86	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4/7 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	15	34
87	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Puncak 3 Taman Puncak Saujana	10	34
88	SELANGOR	Petaling	Seksyen 20 Teres F	8	34
89	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Pangsapuri Baiduri	8	33
90	SELANGOR	Petaling	Taman Serdang Jaya 2	6	33
91	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1/7-1/19 Pandan Indah	7	33
92	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen U1 Kuarters Pendidikan Politeknik	12	32
93	SELANGOR	Gombak	Bandar Baru Selayang Fasa 1 (Zon 1)	15	32
94	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Kosas 2/2,2/4,2/7,2/9,2/11B Taman Kosas	6	32

95	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Vista Bandar Sri Putra	8	32
96	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Seri Intan	10	32
97	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 Teres C (Jalan 24/8 - 24/12)	5	31
98	SELANGOR	Petaling	Taman Lestari Perdana 7	6	31
99	SELANGOR	Petaling	Taman Pinggiran Putra (Vista Pinggiran)	5	31
100	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4B Bandar Tasik Kesuma	5	31
101	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 7/5 Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	7	31
102	SELANGOR	Petaling	Seksyen 23 Teres B (Jalan 23/8- 23/9B)	4	31